

61

SOALAN NO: 30

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali  
[Sipitang]

**TARIKH** : 7 November 2017

**SOALAN** : PR-1353-L02984

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali  
[Sipitang] minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI** menyatakan sejauh mana  
**Program AZAM Tani** yang dikelola  
Lembaga Pemasaran Persekutuan  
(FAMA) telah Berjaya mengeluarkan  
penduduk luar bandar daripada garis  
kemiskinan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Projek AZAM Tani di semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja sejak 2011 sehingga kini. Manakala bagi negeri Sabah dan Sarawak Program 1AZAM ini diselaraskan oleh kerajaan negeri masing-masing iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) di Sabah dan Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak (KKKKWKPK) di Sarawak.

Berdasarkan data yang telah diekstrak sehingga 15 Ogos 2017 dari Sistem eKasih (Bank Data Kemiskinan Nasional), pihak FAMA telah berjaya membantu seramai 1,399 Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus Miskin Tegar dan Miskin dalam Sistem eKasih. Daripada jumlah ini seramai 1,001 buah keluarga (71.6%) telah berjaya mengeluarkan diri dan keluarga daripada belunggu kemiskinan dengan purata pendapatan antara RM500 hingga RM2,000 sebulan. Terdapat juga peserta yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan bergantung kepada projek yang dijalankan.

63

SOALAN ( 31 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[SETIU]

SOALAN :

**YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak positif hasil daripada lawatan yang dilakukan oleh YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini khusus dalam pemantapan hala tuju ekonomi Malaysia selari dengan TN50.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia baru sahaja menyambut ulang tahun ke-60 hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat pada Julai yang lalu. Sepanjang enam dekad tersebut, hubungan kedua-dua buah negara telah berkembang dan semakin erat dari semasa ke semasa. Malaysia juga mempunyai peranan penting dan dipandang tinggi oleh Amerika Syarikat sebagai rakan dagang dan politik di rantau Asia Tenggara.

Pada tahun 2014, hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat telah dinaik taraf ke *Comprehensive Partnership* membabitkan bidang kerjasama utama seperti ekonomi dan perdagangan, pendidikan, pertahanan dan keselamatan serta sains dan teknologi. Oleh itu, pada hari ini, Amerika Syarikat adalah pelabur kedua terbesar Malaysia. Justeru, melalui lawatan rasmi ini tersebut, Malaysia menyasarkan pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik lagi bersama Amerika Syarikat.

Lawatan tersebut dilihat bakal mengukuhkan lagi ekonomi Malaysia berbanding negara serantau. Malahan ekonomi yang mantap juga menjadi asas untuk Malaysia menjadi 20 negara teratas dunia seperti yang disasarkan di bawah Transformasi Nasional 2050 atau TN50.

Sekian, terima kasih.

7 November 2017

## SOALAN ( 32 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]  
DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]

**SOALAN :-**

**YB Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a)Apakah sasaran tertentu dan masa yang diambil untuk mencapai peningkatan taraf yang tinggi di kalangan Masyarakat India dalam semua aspek ; dan
- (b)Kenapa 3% penyertaan ekuiti yang patut dicapai sebelum 2010 telah ditunda.

67

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) pada 23 April 2017, sebanyak 34 KPI telah ditetapkan untuk dicapai dalam masa 10 tahun. SEDIC telah menetapkan 9 KPI untuk dicapai pada tahun 2017/2018. Di antara 9 KPI tersebut adalah melancarkan Saham Ekuiti PNB sebanyak RM500juta, mencapai sekurang-kurangnya 7% penjawat awam India, mencapai kemasukan IPTA sekurang-kurangnya 7%, memastikan kumpulan B40 masyarakat India berdaftar di bawah skim-skim bantuan kerajaan seperti E-Kasih dan program-program peningkatan kapasti masyarakat India. Demi melaksanakan program-program yang dimaksudkan, SEDIC telah distruktur semula dengan penambahan perjawatan dan sumber-sumber yang sewajarnya.

Perubahan lanskap ekonomi pada 2010 telah menjadikan penyertaan 3% ekuiti kaum India menjadi tidak relevan. Ini adalah memandangkan masyarakat India mempunyai lebih aset tetap dan aset berubah berbanding dengan ekuiti pasaran kapital. Ini adalah kerana elemen pelaburan di dalam sistem ekonomi kapitalis tidak melihat kepada

bangsa dalam kapasiti pelaburan seseorang individu memandangkan pasaran saham adalah terbuka dan peluang bagi setiap individu adalah sama.

Sekian, terima kasih.

7 November 2017